CREATIONZ ALLIANCE GROUP OF COMPANIES

ENG | BM

# PRIVACY & PERSONAL DATA PROTECTION NOTICE

This Privacy and Personal Data Protection Notice ("Notice") is issued by **Creationz Alliance Group Holding Sdn Bhd** for itself and on behalf of its related group of companies (collectively referred to as Creationz Alliance Group "CAG", "we", "our" or "us"). We recognise the importance of the privacy and the sensitivity of personal data. We are committed to maintaining the confidentiality, security, and integrity of the personal data you provide in compliance with the Malaysian **Personal Data Protection Act 2010** ("PDPA").

The purpose of this Notice outlines how we collect and process your personal data when you appoint or engage us to provide services, when you access and use our website or interact with us including through meetings and events.

By appointing or engaging us to provide services to you, by accessing and using our website or by interacting with us, you consent to us using, collecting and processing your personal data in the manner contemplated in this Notice. You are also aware of your right to limit or decline our access to your personal data.

This Notice may be amended or updated from time to time. We would advise you to check this Notice on our website from time to time for amendments or updates. By continuing to use or engage our services, to use our website or to communicate with us subsequent to any amendments or updates to this Notice, it would confirm and indicate your acceptance to the amendments or updates to this Notice.

## A. TYPES OF PERSONAL DATA COLLECTED AND PROCESSED

We may collect the following personal data to process your requests, inquiries, registrations, applications, references and any situations where requires us to process your data where you provide your information to us. This collection occurs when you access our website, complete our forms, or communicate with us via phone, email, digital application, in-person, or other methods where you provide information to us. We may also obtain data from existing guest lists, business cards, events we organise, and other legitimate sources such as our business partners, recruiters, credit reporting agencies, regulatory authorities, or publicly available information.

The type of personal data collected and processed by us includes:

- your name, date of birth, nationality, gender, NRIC/ passport number, residency status, correspondence address, contact details including mobile, office and residential telephone number and facsimile number, email address, your personal preferences, particulars of your spouse or family members and bank account information, financial/ creditworthiness information and any information which may identify you, your spouse or family members that has been or may be collected, stored, used and processed by us from time to time;
- employment category (private sector, government sector, self-employed, non-working or others), name of employer and office address, details of relationship with the company (e.g. promoter, director, shareholder);

- Such other information relevant or required for:
  i. Our business services engagement;
  ii. Our work registration;
  iii. compliance with legal and regulatory requirements; and
  iv. any others that deemed necessary by CAG.
- Any additional information provided by you or third parties about you.

## 2. USE OF PERSONAL DATA

Your Personal Data is collected, stored, used, and processed by us for our activities. These purposes include:

- Facilitating and completing commercial transactions, and fulfilling obligations related to the products and services we provide to you or third parties;
- Preparing and executing agreements, contracts, and documents for our projects, products, and/or services with you;
- Maintaining internal client records, administration, business development, marketing, research, and statistical analysis;
- Displaying your name, photographs, or video footage captured during our events on our website, publications, newsletters, and other promotional materials;
- Operating our website and information technology systems (including the collection of IP addresses and cookies); and
- Any other purpose which is incidental or ancillary to the above purposes and CAG 's scope of businesses. ("Purposes")

The Personal Data collected will be retained by us for the duration necessary as permitted by law, which may extend beyond the termination of your contractual relationship with us.

## 3. SECURITY

We are committed to protecting the security of your Personal Data. We adopt a robust combination of physical and electronic security measures, including access controls, secure servers, firewall technology, and other advanced systems to safeguard the confidentiality and integrity of your Personal Data.

## 4. DISCLOSURE

We will keep your Personal Data confidential. By engaging with us, you consent and authorize us to provide access or disclose your Personal Data to third parties, including but not limited to:

- Subsidiary, associated, and affiliated companies within Creationz Alliance Group;

- Our third-party contractors, suppliers, service providers, or vendors who assist us in providing you with our products and services;
- Our affiliates, business partners, authorised agents, whether within or outside Malaysia;
- Any person or entity to whom we are legally obligated to disclose information under any applicable law or regulation, including regulatory bodies and government agencies;
- Our professional advisers, such as auditors, tax advisors, financial advisors, lawyers, insurance brokers, and consultants; and
- Any other party relevant to our business functions or to fulfil the stated Purposes, as permitted by law.

## 5. CHOICES, ACCESS, AND CORRECTION

If you:

- Do not consent to Creationz Alliance Group collecting and processing your Personal Data;
- Wish to limit the processing of your Personal Data; or
- Desire to request access to or correct your Personal Data;

please submit a written notice to our Data Protection Officer ("DPO"). You may use our "Personal Data Access/Correction Request Form" (available upon request) and forward it to the following:

**Attention to:** Data Protection Officer
**Email:** dpo@siscisb.com
**Address:** No.3, Jalan BPU 6, Bandar Puchong Utama, 47100 Selangor, Malaysia.

Please note that in respecting your right to access and/or correct your Personal Data, we reserve the right to decline requests for reasons permitted by law, such as those that may jeopardize the security and privacy of others' data, or requests that are impractical or not made in good faith.

If we do not receive any written notification from you, we will deemed that you have consented in us processing and using your Personal Data as outlined in this Notice.

## 6. CHANGES TO THE PRIVACY AND PERSONAL DATA PROTECTION NOTICE

CAG may update, revise, amend, or modify this Notice from time to time to reflect changes in legal requirements or our business practices. We encourage you to review this Notice periodically to stay informed of any updates.

## 7. LANGUAGE

In the event of any discrepancies or inconsistencies between the English version and the Bahasa Malaysia version of this Notice, the English version shall take precedence.

**Dated: 25 September 2025**

ENG | BM

# NOTIS PRIVASI DAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Notis Privasi dan Perlindungan Data Peribadi ini ("Notis") dikeluarkan oleh **Creationz Alliance Group Holding Sdn Bhd** bagi pihaknya sendiri dan bagi pihak kumpulan syarikat berkaitannya (secara kolektif dirujuk sebagai Creationz Alliance Group "CAG", "kami" atau "kita"). Kami mengiktiraf kepentingan privasi serta sensitiviti data peribadi. Kami komited untuk mengekalkan kerahsiaan, keselamatan dan integriti data peribadi yang anda berikan selaras dengan **Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 Malaysia** ("PDPA").

Tujuan Notis ini adalah untuk menerangkan bagaimana kami mengumpul dan memproses data peribadi anda apabila anda melantik atau melibatkan kami untuk menyediakan perkhidmatan, apabila anda mengakses dan menggunakan laman web kami, atau apabila anda berinteraksi dengan kami termasuk melalui mesyuarat dan acara.

Dengan melantik atau melibatkan kami untuk menyediakan perkhidmatan kepada anda, dengan mengakses dan menggunakan laman web kami, atau dengan berinteraksi dengan kami, anda memberi persetujuan kepada kami untuk mengumpul, menggunakan dan memproses data peribadi anda mengikut cara yang diperuntukkan dalam Notis ini. Anda juga menyedari hak anda untuk mengehadkan atau menolak akses kami kepada data peribadi anda.

Notis ini boleh dipinda atau dikemas kini dari semasa ke semasa. Kami menasihatkan anda supaya menyemak Notis ini di laman web kami dari semasa ke semasa bagi sebarang pindaan atau kemas kini. Dengan meneruskan penggunaan atau penglibatan perkhidmatan kami, penggunaan laman web kami atau berkomunikasi dengan kami selepas sebarang pindaan atau kemas kini kepada Notis ini, ia mengesahkan dan menunjukkan penerimaan anda terhadap pindaan atau kemas kini tersebut.

### A. JENIS DATA PERIBADI YANG DIKUMPUL DAN DIPROSES

Kami mungkin mengumpul data peribadi berikut untuk memproses permintaan, pertanyaan, pendaftaran, permohonan, rujukan anda dan dalam apa-apa keadaan yang memerlukan kami memproses data anda apabila anda memberikan maklumat kepada kami. Pengumpulan ini berlaku apabila anda mengakses laman web kami, melengkapkan borang kami, atau berkomunikasi dengan kami melalui telefon, e-mel, aplikasi digital, secara bersemuka, atau melalui kaedah lain di mana anda memberikan maklumat kepada kami. Kami juga boleh memperoleh data daripada senarai tetamu sedia ada, kad perniagaan, acara yang kami anjurkan, serta sumber sah lain seperti rakan perniagaan, perekrut, agensi pelaporan kredit, pihak berkuasa kawal selia, atau maklumat yang tersedia kepada umum.

Jenis data peribadi yang dikumpul dan diproses oleh kami termasuk:

- nama anda, tarikh lahir, kewarganegaraan, jantina, nombor NRIC/pasport, status pemastautin, alamat surat-menyurat, butiran hubungan termasuk nombor telefon mudah alih, pejabat dan kediaman serta nombor faksimili, alamat e-mel, keutamaan peribadi anda, butiran pasangan atau ahli keluarga anda dan maklumat akaun bank, maklumat kewangan/kebolehpercayaan kredit serta apa-apa maklumat yang boleh mengenal pasti anda, pasangan atau ahli keluarga

anda yang telah atau mungkin dikumpul, disimpan, digunakan dan diproses oleh kami dari semasa ke semasa;

- kategori pekerjaan (sektor swasta, sektor kerajaan, bekerja sendiri, tidak bekerja atau lain-lain), nama majikan dan alamat pejabat, butiran hubungan dengan syarikat (contohnya penganjur, pengarah, pemegang saham);
- maklumat lain yang relevan atau diperlukan bagi:
    i. penglibatan perkhidmatan perniagaan kami;
    ii. pendaftaran kerja kami; dan
    iii. pematuhan kepada keperluan undang-undang dan peraturan; dan
    iv. mana-mana data yang yang dianggap berkenaan oleh CAG.
- sebarang maklumat tambahan yang diberikan oleh anda atau pihak ketiga mengenai anda.

**2. PENGGUNAAN DATA PERIBADI**

Data Peribadi anda dikumpul, disimpan, digunakan dan diproses oleh kami bagi tujuan aktiviti kami. Tujuan-tujuan ini termasuk:

- memudah cara dan melengkapkan transaksi komersial serta memenuhi obligasi berkaitan produk dan perkhidmatan yang kami sediakan kepada anda atau pihak ketiga;
- menyediakan dan melaksanakan perjanjian, kontrak dan dokumen bagi projek, produk dan/atau perkhidmatan kami dengan anda;
- mengekalkan rekod pelanggan dalaman, pentadbiran, pembangunan perniagaan, pemasaran, penyelidikan dan analisis statistik;
- memaparkan nama anda, gambar atau rakaman video yang dirakam semasa acara kami di laman web, penerbitan, surat berita dan bahan promosi lain;
- mengendalikan laman web kami dan sistem teknologi maklumat (termasuk pengumpulan alamat IP dan kuki); dan
- apa-apa tujuan lain yang bersampingan atau berkaitan dengan tujuan-tujuan di atas dan/atau berkenaan dengan skop kerja CAG.("Tujuan").

Data Peribadi yang dikumpul akan disimpan oleh kami bagi tempoh yang diperlukan sebagaimana dibenarkan oleh undang-undang, yang mungkin berlanjutan melebihi penamatan hubungan kontraktual anda dengan kami.

**3. KESELAMATAN**

Kami komited untuk melindungi keselamatan Data Peribadi anda. Kami mengamalkan gabungan langkah keselamatan fizikal dan elektronik yang kukuh, termasuk kawalan akses, pelayan selamat, teknologi tembok api (firewall), dan sistem canggih lain bagi melindungi kerahsiaan dan integriti Data Peribadi anda.

**4. PENDEDAHAN**

Kami akan memastikan Data Peribadi anda dirahsiakan. Dengan melibatkan diri bersama kami, anda memberi persetujuan dan membenarkan kami untuk memberikan akses atau mendedahkan Data Peribadi anda kepada pihak ketiga, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- syarikat subsidiari, bersekutu dan berkaitan dalam Creationz Alliance Group;
- kontraktor pihak ketiga, pembekal, penyedia perkhidmatan atau vendor kami yang membantu kami dalam menyediakan produk dan perkhidmatan kepada anda;
- sekutu, rakan perniagaan dan ejen yang diberi kuasa, sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
- mana-mana individu atau entiti yang kami diwajibkan secara undang-undang untuk mendedahkan maklumat di bawah mana-mana undang-undang atau peraturan yang terpakai, termasuk badan kawal selia dan agensi kerajaan;
- penasihat profesional kami seperti juruaudit, penasihat cukai, penasihat kewangan, peguam, broker insurans dan perunding; dan
- mana-mana pihak lain yang berkaitan dengan fungsi perniagaan kami atau bagi memenuhi Tujuan yang dinyatakan, sebagaimana dibenarkan oleh undang-undang.

**5. PILIHAN, AKSES DAN PEMBETULAN**

Sekiranya anda:

- tidak bersetuju dengan Creationz Alliance Group mengumpul dan memproses Data Peribadi anda;
- ingin mengehadkan pemprosesan Data Peribadi anda; atau
- ingin memohon akses kepada atau membetulkan Data Peribadi anda;

sila kemukakan notis bertulis kepada Pegawai Perlindungan Data kami (Data Protection Officer -"DPO"). Anda boleh menggunakan "Borang Permohonan Akses/Pembetulan Data Peribadi" kami (tersedia atas permintaan) dan hantarkan kepada:

| | |
|---|---|
| Perhatian kepada: | Pegawai Perlindungan Data |
| E-mel: | dpo@siscisb.com |
| Alamat: | No. 3, Jalan BPU 6, Bandar Puchong Utama, 47100 Selangor, Malaysia. |

Sila ambil perhatian bahawa dalam menghormati hak anda untuk mengakses dan/atau membetulkan Data Peribadi anda, kami berhak untuk menolak permohonan atas sebab-sebab yang dibenarkan oleh undang-undang, seperti permohonan yang boleh menjejaskan keselamatan dan privasi data pihak lain, atau permohonan yang tidak praktikal atau tidak dibuat dengan niat baik.

Sekiranya kami tidak menerima sebarang pemberitahuan bertulis daripada anda, kami akan menganggap bahawa anda telah memberi persetujuan kepada kami untuk memproses dan menggunakan Data Peribadi anda sebagaimana yang diperuntukkan dalam Notis ini.

## 6. PERUBAHAN KEPADA NOTIS PRIVASI & PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

CAG boleh mengemas kini, menyemak semula, meminda atau mengubah Notis ini dari semasa ke semasa bagi mencerminkan perubahan keperluan undang-undang atau amalan perniagaan kami. Kami menggalakkan anda untuk menyemak Notis ini secara berkala bagi mendapatkan maklumat terkini.

## 7. BAHASA

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidakselarasan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia Notis ini, versi Bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai.

**Bertarikh: 25 September 2025**